

Headline	'Pastikan berfungsi sempurna'		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	10 May 2019	Language	Malay
Circulation	20,000	Readership	60,000
Section	News	Page No	19
ArticleSize	299 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,091		



'Pastikan berfungsi sempurna'

TNB diminta perkasas sistem meter pintar elak terima rungutan pengguna

MELAKA TENGAH

Tenaga Nasional Berhad (TNB) diminta memperkasas dan memperkemaskan sistem pemasangan meter pintar di setiap kediaman di Melaka bagi memastikan ia tidak berterusan menerima rungutan pengguna.

Ketua Menteri, Adly Zahari berkata, ia termasuk menambah baik aplikasi berkaitan meter berkenaan bagi memudahkan peng-



ADLY

guna mengakses maklumat mengenainya dengan menggunakan telefon pintar sekaligus mengetahui jumlah penggunaan tenaga harian mereka.

Menurutnya, setakat ini dianggarkan 1 peratus atau 2,500 daripada 250,000 penghuni kediaman membuat aduan berkenaan kenaikan bil yang tinggi dan separuh daripada jumlah itu telah ditangani sebaliknya oleh TNB termasuk pelanggan lebih caj ke dalam akaun pengguna.

"Sekiranya mengalami gangguan iaitu berbeza dengan apa yang dipaparkan dengan digunakan termasuk sistem meter pintar tidak berfungsi sempurna ia akan menimbulkan masalah kepada rakyat.

"Penting aplikasi itu berfungsi sempurna dan ia akan menjadi masalah jika aplikasi itu tidak dapat diberi kepada keseluruhan masyarakat," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Seri Negeri semalam. Adly berkata,

TNB jamin atasi masalah



Keratan Sinar Harian semalam.

beliau turut berharap dari semasa ke semasa TNB mengambil langkah proaktif untuk membekirkan maklumat dan juga tindakan setiap aduan rakyat.

"Kita mengambil maklum sebarang masalah yang timbul dan TNB diminta mengambil tindakan segera aduan pengguna dan meningkatkan program bertemu rakyat," katanya.

Katanya, kerajaan negeri juga tidak bercadang untuk kembali kepada sistem lama sebaliknya menubuhkan pasukan khas seperti mana yang ditekankan sebelum ini bagi memperhalusi serta menangani segala isu berbangkit berkaitan meter pintar termasuk bil utiliti itu meningkat.

